



**GARIS PANDUAN  
KESELAMATAN ICT:  
PERALATAN MUDAH ALIH**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

## REKOD PINDAAN

Bil.	Tarikh Pindaan	Ringkasan Pindaan	Tarikh kuatkuasa
1.	-	Kuat kuasa kali pertama	1.2.2021
2.			
3.			
4.			
5.			

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

1.0	TUJUAN .....	1
2.0	LATAR BELAKANG .....	1
3.0	SKOP .....	1
4.0	DEFINISI.....	1
5.0	KAWALAN KESELAMATAN PERALATAN MUDAH ALIH .....	1
6.0	PEMATUHAN .....	2

## **1.0 TUJUAN**

- a) Memberi panduan kepada kakitangan PTM tentang keselamatan penggunaan peralatan mudah alih.
- b) Memastikan keselamatan maklumat dan aset ICT UKM adalah terpelihara.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Penggunaan peralatan mudah alih digunakan oleh kakitangan untuk melaksana tugas-tugas rasmi yang juga disambung ke rangkaian universiti. Oleh itu, kawalan keselamatan yang bersesuaian perlu dilaksana untuk memelihara kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat dan aset ICT UKM.

## **3.0 SKOP**

Garis panduan ini adalah terpakai untuk semua kakitangan UKM yang menggunakan peralatan mudah alih (milik universiti atau peribadi) untuk tugas-tugas rasmi atau yang disambung ke rangkaian universiti.

## **4.0 DEFINISI**

Peralatan mudah alih	Peralatan mudah alih termasuk komputer riba dan peranti mudah alih seperti <i>tablet</i> , telefon bimbit, telefon pintar, kamera digital serta pemacu Universal Serial Bus (USB) atau lain-lain peralatan yang boleh mengumpul, merakam, menyiar dan menyampaikan maklumat dalam apa jua bentuk rekod elektronik.
----------------------	--

## **5.0 KAWALAN KESELAMATAN PERALATAN MUDAH ALIH**

- a) Semua peralatan sama ada milik universiti atau peribadi mestilah dilindungi dengan kawalan keselamatan (contoh: kata laluan atau kod pin).
- b) Kata laluan yang digunakan untuk mencapai sistem dan maklumat universiti mestilah dilindungi dan mengikut garis panduan pengurusan katalaluan.
- c) Peralatan mudah alih yang disambung ke rangkaian universiti perlu menggunakan perisian yang sah dan selamat. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab keatas penggunaan perisian yang tidak dibenarkan.

- d) Mengubah mana-mana konfigurasi fail yang ditetapkan oleh pengeluar peranti adalah dilarang sama sekali. Peranti yang telah diubah konfigurasi (contoh: jailbreaking) tidak dibenarkan untuk mencapai sistem atau maklumat universiti.
- e) Peralatan mudah alih yang digunakan untuk mencapai sistem atau maklumat universiti mestilah mempunyai perlindungan daripada malware/virus.
- f) Peralatan mudah alih perlu disimpan di tempat yang selamat dan tidak ditinggalkan tanpa pengawasan seperti di dalam kereta atau bilik yang tidak berkunci.
- g) Peralatan mudah alih milik universiti yang hilang atau dicuri hendaklah dilaporkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh universiti dan dimaklumkan kepada PTM dengan segera.
- h) Pastikan maklumat sulit tidak disimpan di dalam peralatan mudah alih yang dipinjam daripada pihak universiti. Hapuskan semua fail atau maklumat sulit sebelum diserahkan semula.

## 6.0 PEMATUHAN

- a) Kakitangan adalah tertakluk kepada semua dasar, peraturan, pekeliling, prosedur dan garis panduan berkenaan keselamatan maklumat universiti.
- b) Kakitangan yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan.